

09 AUG 1996

Mahathir - Penginapan

PENGINAPAN BERKONSEP TRADISIONAL MAMPU POPULAR, KATA PM

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata industri perhotelan berkonsepkan penginapan di rumah tradisional berpotensi mempopularkan lagi Malaysia.

Beliau berkata konsep itu juga amat sesuai dengan suasana dan keadaan semula jadi negara ini.

"Ramai pelancong asing sebenarnya amat berminat untuk merasai suasana kehidupan sebenar dalam rumah tradisional Malaysia tetapi malangnya kemudahan itu tiada.

"Oleh itu, kerajaan berharap pembukaan Kampung Tok Senik ini dapat menjadi perintis kepada usaha mempopularkan penginapan seumpama itu yang juga diamalkan secara meluas di Eropah," katanya Perdana Menteri semasa merasmikan Pusat Perangian Kampung Tok Senik di sini yang menyediakan kemudahan penginapan setaraf hotel tetapi berteraskan ciri rumah tradisional Melayu.

Kampung itu yang dibangunkan oleh Kumpulan Maju Berhad meliputi kawasan seluas empat hektar. Pengunjung berpeluang memilih daripada 12 buah rumah untuk menginap. Ia dibina dengan kos RM11 juta.

Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia memberi bantuan kepada pihak yang berminat untuk membabitkan diri dengan industri pelancongan yang berkonsepkan demikian.

Malahan, kata beliau, tawaran yang serupa sudah dibuat sebelum ini tetapi setelah sekian lama tiada pihak yang tampil untuk merebut peluang itu.

"Sebelumnya kita telah tawarkan bantuan kepada orang ramai terutamanya yang masih tinggal di rumah tradisional untuk memperbaiki sedikit rumah mereka.

"Kita sanggup pinjamkan wang supaya rumah mereka lebih selesa dan kemudian boleh disewakan kepada pelancong terutamanya rakyat asing yang ingin merasai suasana kehidupan rumah tradisional.

"Dengan cara ini tuan punya rumah berkenaan juga boleh mendapat sedikit pendapatan dan negara kita turut popular," katanya.

Perdana Menteri turut memuji keberanian Kumpulan Maju mengambil risiko membangunkan sebuah pusat peranginan berkonsepkan rumah tradisional Melayu dan sudahpun mencuba mengekalkan ketulenan sebuah rumah tradisional.

"Saya yakin Kampung Tok Senik ini mampu menjadi tarikan hebat Langkawi dan walaupun kos untuk menginap di sini agak mahal, namun bagi mereka yang teringin merasai suasana rumah tradisional Melayu itu tidak menjadi halangan," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan isteri Datin Seri Inangda Mayang Keumala dan pengerusi eksekutif Kumpulan Maju Abu Sahid Mohamad. -- BERNAMA

ZAA MAI